

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PERHIMPUNAN DAN MELAFAZ IKRAR SEMPENA PERINGATAN
HARI POLIS KE 198 PUSAT LATIHAN POLIS
DI JALAN SEMARAK, KUALA LUMPUR
25 MAC 2005

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI MOHD BAKRI BIN HAJI OMAR
KETUA POLIS NEGARA

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA-SAUDARI, PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULLILAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA KITA DAPAT SAMA-SAMA BERHIMPUN PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI UNTUK MENYAMBUK MAJLIS PERINGATAN HARI POLIS KE-198. SEMPENA SAMBUTAN INI, MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGHARGAI DAN MENYANJUNG TINGGI SEGALA JASA BAKTI ANGGOTA POLIS TERHADAP NEGARA.

2. SEJARAH TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA SUMBANGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (P.D.R.M.) TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA AMAT BESAR. SAYA PASTI, SEMUA ORANG SEDAR AKAN JASA RIBUAN PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS YANG BANYAK BERKORBAN KETIKA MENJALANKAN TUGAS MENJAGA KEAMANAN NEGARA. SELAMA INI, MEREKALAH ANTARA PASUKAN YANG BERADA DI BARISAN HADAPAN MEMPERTAHANKAN KETENTERAMAN NEGARA. BERMULA DARI MENGAWAL KESELAMATAN DALAM NEGERI HINGGALAH MEMASTIKAN KETENTERAMAN AWAM TERUS WUJUD, P.D.R.M. JUGA BERJAYA DALAM USAHA MEMBANTERAS JENAYAH DAN KEGANASAN ANTARABANGSA. INI DAPAT DILIHAT MELALUI KEJAYAAN PASUKAN INI MENUPIKAN KEGIATAN SUBVERSIF SEPERTI KOMUNIS DAN KUMPULAN MILITAN YANG LAIN. JUSTERU ITU, TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA P.D.R.M. ADALAH SATU INSTITUSI KESELAMATAN YANG ULUNG DAN PENTING KE ARAH MENENTUKAN KEAMANAN DAN KEDAULATAN NEGARA.

3. SEBAGAI ANGGOTA DAN PEGAWAI POLIS HARI INI, SAUDARA-SAUDARI JUGA PERLU MENGENANG JASA MEREKA TERDAHULU YANG TELAH BANYAK MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN P.D.R.M. HARI INI. SEGALA TINDAK TANDUK SAUDARA-SAUDARI HARUSLAH MENUJU KE ARAH MEMPERTAHANKAN KECEMERLANGAN DAN KEWIBAWAAN PASUKAN INI. P.D.R.M. HENDAKLAH TERUS MELAKUKAN PERUBAHAN SEJAJAR DENGAN PEREDARAN MASA, DI MANA KITA BERHADAPAN DENGAN CABARAN DAN SUASANA YANG LEBIH RUMIT SETIAP HARI.

4. SAYA SEDAR TELAH ADA PELBAGAI USAHA UNTUK MELAKUKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DIPERLUKAN INI. YANG PALING KETARA ADALAH PENUBUHAN SEBUAH JABATAN BARU IAITU JABATAN SIASATAN JENAYAH PERDAGANGAN. PENUBUHAN JABATAN INI DIHARAP DAPAT MELENGKAPKAN ORGANISASI P.D.R.M. UNTUK MEMENUHI CABARAN SEMASA, KHUSUSNYA DALAM KONTEKS SIASATAN KES-KES YANG MELIBATKAN JENAYAH PERDAGANGAN, YANG MANA NILAI KERUGIANNYA PADA TAHUN LALU ADALAH KIRA-KIRA 837 JUTA RINGGIT, MELIBATKAN 9,889 KES YANG DILAPORKAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

5. KERAJAAN SEMEMANGNYA AMAT PRIHATIN TERHADAP KEPERLUAN PASUKAN POLIS UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAANNYA. SUNGGUHPUN IANYA MELIBATKAN KOS TAMBAHAN KEPADA KERAJAAN, NAMUN KERAJAAN AKAN TETAP MENYALURKAN PERUNTUKAN YANG PERLU BAGI MEMPERLENGKAPKAN PASUKAN POLIS. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, JEMAAH MENTERI TELAH PUN MELULUSKAN PERMOHONAN SEJUMLAH 740 JUTA RINGGIT UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI LAGI P.D.R.M.. DARIPADA JUMLAH INI, SEBANYAK 150 JUTA RINGGIT TELAH DIPERUNTUKAN PADA TAHUN 2004 UNTUK MELENGKAPKAN JABATAN SIASATAN JENAYAH, JABATAN PENGURUSAN, JABATAN NARKOTIK DAN JABATAN K.D.N./K.A.. PERBELANJAAN PERUNTUKAN KHAS 2004 INI BERTUJUAN MEMANTAPKAN LAGI KEUPAYAAN 'OPERATIONAL' P.D.R.M. MEMERANGI JENAYAH DAN MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH. BAGI TAHUN 2005 PULA, SEBANYAK 330 JUTA RINGGIT TELAH DISEDIAKAN UNTUK PERBELANJAAN MANAKALA BAKI 290 JUTA RINGGIT AKAN DISEDIAKAN MELALUI RANCANGAN MALAYSIA KE-9.

6. DI SINI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA SEMUA ANGGOTA P.D.R.M. YANG BERTUNGKUS LUMUS MEMBANTU NEGARA KITA SERTA NEGARA JIRAN KETIKA RANTAU INI DILANDA BENCANA TSUNAMI BARU-BARU INI. SAUDARA-SAUDARI TELAH MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM OPERASI Mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa yang terlibat di Pulau Pinang dan Kedah. Begitu juga di Aceh, Indonesia, di mana saudara-saudari bukan sahaja memainkan peranan dalam kerja-kerja menyelamatkan malah telah menyalurkan bantuan kemanusiaan secara sukarela. Saya difahamkan, seramai 250 orang pegawai kanan dan anggota P.D.R.M. telah dihantar ke Aceh dari 10 Januari sehingga 6 Februari 2005. Semasa di sana, pasukan ini telah berjaya mengeluarkan sejumlah 4,000 mayat dari timbunan sampah-sarap untuk pengubumian yang sempurna, di samping berjaya membantu polis Indonesia menemui sejumlah senjata api milik mereka. Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada P.D.R.M. dan berharap prestasi seperti ini akan dapat dikekalkan.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

7. AKHIR-AKHIR INI, ADA PIHAK YANG MEMBUAT ANDAIAN BAHAWA ORANG RAMAI BERASA BIMBANG DAN KURANG SENANG MELIHAT PELBAGAI LAPORAN YANG DIBUAT OLEH MEDIA MASSA MENGENAI KES-KES JENAYAH YANG BERLAKU. PIHAK

POLIS TERUS BERUSAHA DENGAN GIGIH UNTUK MENANGANI DAN MEMBENDUNG KES-KES JENAYAH TERSEBUT, DAN USAHA INI HARUS MENDAPAT PENGKIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN RAKYAT.

8. WALAUPUN BEGITU, KITA JUGA HARUS SEDAR BAHAWA TUGAS MENJAGA KESELAMATAN DIRI, KELUARGA DAN SETERUSNYA NEGARA BUKAN HANYA TERLETAK DI BAHU POLIS SEMATA-MATA. TUGAS POLIS MEMANG MENCEGAH DAN MENYELESAIKAN JENAYAH, NAMUN MEREKA TETAP MEMERLUKAN BANTUAN DAN SOKONGAN ORANG RAMAI SELAIN AGENSI-AGENSI PENGUATKUASA YANG LAIN. JUSTERU ITU, ADALAH PENTING BAGI ORANG RAMAI UNTUK SEDIA BEKERJASAMA DAN MENGHULURKAN BANTUAN YANG PERLU. JANGANLAH ADA YANG BERSIKAP TERLALU MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI SEHINGGA SANGGUP MENUTUP MATA ATAU MEMEKAKKAN TELINGA APABILA MENDAPATI SESUATU PERKARA YANG MENCURIGAKAN. JIKA KITA MERASA SANGSI DENGAN SESUATU KEJADIAN, HUBUNGILAH PIHAK BERKUASA DENGAN SERTA MERTA. SESUNGGUHNYA, BANYAK KES JENAYAH DI MALAYSIA DAPAT DISELESAIKAN DENGAN MENGGUNAKAN MAKLUMAT YANG DISALURKAN OLEH ORANG RAMAI KEPADA PASUKAN POLIS.

9. PADA MASA YANG SAMA, SAYA BERHARAP PIHAK MEDIA JUGA DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG MEMBINA DALAM SAMA-SAMA MENJAGA KESELAMATAN NEGARA. PIHAK MEDIA SEHARUSNYA MEMBUAT LAPORAN YANG TEPAT DAN SEIMBANG, DAN TIDAK TERLALU MENSENSASIKAN SESUATU KES JENAYAH ITU SEHINGGA MEMBERI PERSEPSI ATAU TANGGAPAN BAHAWA NEGARA KITA INI TIDAK SELAMAT DIDIAMI, WALHAL NEGARA KITA CUKUP AMAN DAN SELAMAT. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB INI HARUS DIPIKUL DENGAN BAIK OLEH MEDIA MASSA NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

10. TAHUN LALU, SAYA TELAH MENGUMUMKAN PENUBUHAN SURUHANJAYA KHAS PENAMBAHBAIKAN PERJALANAN DAN PENGURUSAN P.D.R.M.. SURUHANJAYA INI SEDANG DALAM PERINGKAT AKHIR PENYEDIAAN LAPORAN YANG BAKAL DIPERSEMBAHKAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGUNG. SAYA YAKIN SEGALA CADANGAN DALAM LAPORAN TERSEBUT AKAN MENJADIKAN P.D.R.M. SEBAGAI SEBUAH PASUKAN BERTARAF "WORLD CLASS" YANG DAPAT MEMENUHI CITARASA RAKYAT DENGAN MELETAKKAN P.D.R.M. SEBAGAI SEBUAH PASUKAN YANG DISEGANI RAKYAT DAN DIHORMATI DUNIA LUAR. PENGKIKTIRAFAN INILAH YANG PERLU DIJADIKAN SASARAN OLEH SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA P.D.R.M. AGAR MARUAH SENTIASA TERPELIHARA DAN IMEJ PASUKAN SENTIASA MENYINAR.

11. SAYA MAHU SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA P.D.R.M. TERUS BERPEGANG KEPADA COGANKATA 'MESRA, CEPAT DAN BETUL'. IANYA BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI PEGANGAN PENTING BAGI SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS MEREKA. PADA MASA YANG SAMA, MOTO 'BERSEDIA BERKHIDMAT' MERUPAKAN TERAS DALAM PENUGASAN POLIS. SAYA JUGA MAHU SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA P.D.R.M. MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB

MASING-MASING SELARAS DENGAN KEDUA-DUA COGANKATA DAN MOTO TERSEBUT.

12. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENINGATKAN SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA P.D.R.M. AGAR TERUS MENINGKATKAN INTEGRITI DAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA GEJALA RASUAH ATAU SEBARANG PENYALAHGUNAAN KUASA. CONTOHILAH RAKAN SAUDARA-SAUDARI, ASISTEN SUPERINTENDAN R CHELVAM, YANG BARU-BARU INI TELAH MENOLAK SOGOKAN WANG DALAM SATU SINDIKET PEMALSUAN KAD KREDIT. SAYA INGIN MELIHAT SETIAP ANGGOTA PASUKAN TERUS MEMILIKI SIKAP AMANAH DAN JUJUR SEPERTI RAKAN SAUDARA-SAUDARI INI.

13. SAYA BERBANGGA DENGAN PRESTASI P.D.R.M. SELAMA INI. TERUSKAN USAHA SAUDARA-SAUDARI. LAKSANAKANLAH TUGAS DENGAN PENUH BERDISPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB. BERIKAN TUMPUAN KEPADA PERKHIDMATAN YANG TERBAIK BAGI MASYARAKAT DAN NEGARA. SAYA YAKIN P.D.R.M. DAPAT TERUS MELANGKAH MAJU DENGAN KEPIMPINAN YANG BAIK DAN KESUNGGUHAN SETIAP ANGGOTA PASUKAN. SEMOGA SAMBUTAN TAHUN INI DAPAT MENYUNTIK SEMANGAT BARU KEPADA SETIAP ANGGOTA P.D.R.M. UNTUK TERUS MENYUMBANG DAN BERBAKTI KEPADA RAKYAT DAN NEGARA YANG TERCINTA INI.

SELAMAT MENYAMBUT HARI POLIS YANG KE-198 INI. SEKIAN, TERIMA KASIH.

(Teks ini tidak merangkumi kenyataan "off-the-cuff" Perdana Menteri sewaktu majlis)